



SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
MESYUARAT MENTERI-MENTERI PERTANIAN G20
(G20 AGRICULTURE MINISTERS' MEETING)
17HB. - 18HB. SEPTEMBER 2021, FLORENCE, REPUBLIK ITALI

Bandar Seri Begawan, hari Sabtu, 10hb. Safar 1443 / 18hb. September 2021

1. Mesyuarat Menteri-Menteri Pertanian G20 dengan tema “*Sustainability of Food Systems*” diadakan selama dua (2) hari pada 17 dan 18 September 2021. Negara Brunei Darussalam (NBD) selaku Pengerusi ASEAN 2021, diwakili oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan secara dalam talian, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong yang juga sebagai *Guest of The Chair*.
2. Mesyuarat tersebut dipengerusikan oleh Menteri Dasar Pertanian, Permakanan dan Perhutanan, Republik Itali, Tuan Yang Terutama Stefano Patuanelli.
3. Semasa Mesyuarat Menteri-Menteri Pertanian G20, antara perkara-perkara keutamaan yang dibincangkan adalah kepentingan sistem pertanian dan permakanan global ke arah memastikan keselamatan makanan dan pemakanan untuk semua, serta untuk memastikan sistem makanan yang mampan dan berdaya tahan.
4. Mesyuarat juga antaralain menyentuh mengenai kepentingan untuk terus memantau Agenda Matlamat Pembangunan Mapan (*Sustainable Development Goals - SDGs*) 2030, khususnya matlamat ke-2 untuk mencapai Kelaparan Sifar (*Zero Hunger*) yang pada masa ini mengalami cabaran berikutan krisis global pandemik Covid-19 di samping meninjau semula komitmen negara-negara dalam menghadapi implikasi cabaran perubahan iklim yang dimeterai kesepakatan global melalui Perjanjian Paris (*the Paris Agreement*) termasuklah dalam menangani punca dan kesan perubahan iklim serta kepentingan memulihara, melindungi dan memulihkan biodiversiti dan ekosistem.
5. Mesyuarat juga menyentuh mengenai kepentingan amalan dan pendekatan teknologi inovatif dapat memainkan peranan penting dalam meningkatkan produktiviti secara mampan, mengoptimumkan penggunaan input, dan membantu negara-negara menghasilkan makanan di bawah kesan perubahan iklim. Kepentingan pengukuhan kerjasama antara negara untuk meningkatkan daya tahan, produktiviti dan kelestarian sektor makanan dan pertanian turut diberikan penekanan.
6. Diakhir sesi mesyuarat, mesyuarat telah mengesahkan Communiqué’ Mesyuarat Menteri-Menteri Pertanian G20.
7. Turut hadir pada mesyuarat tersebut ialah Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, serta pegawai-pegawai kanan dari Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, KSSUP.

-TAMAT-

Disediakan oleh:

Jabatan Pertanian dan Agrimakanan

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

Negara Brunei Darussalam

18 September 2021